



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 20 NOVEMBER 2023**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	16 EKOR LEMBU MATI DIRACUN, NEGARA, KOSMO -18 16 LEMBU MATI DISYAKI DIRACUN, LOKAL, HM -18 KONTRAKTOR JADI PENTERNAK PUYUH, DALAM NEGERI, UM -34	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	BENIH PADI MUSIM 2/2023 UNTUK PETANI MADA CUKUP, NASIONAL, BH -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5. 6. 7. 8. 9. 10.	TRAINING DRAGON FRUITS FOR A RECORD, NATION, THE STAR -3 RESTRUCTURING THE RICE INDUSRTY CAN MAKE US A MAJOR EXPORTER, LETTER, NST -15 BINA KANDANG DI TEMPAT TINGGI, LOKAL, HM -11 HARGA IKAN, HASIL LAUT NAIK, NASIONAL, BH -14 SISWA TUAI HASIL SAWI, AKADEmia, HM -36 KETERJAMINAN MAKANAN: SIAPAKAH TERLEBIH MAKAN?, RENCANA, UM -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



## 16 ekor lembu mati diracun

**SETIU** – Seorang penternak jatuh terduduk apabila 16 ekor lembu peliharaan mati bergelimpangan disayaki diracun sehingga menyebabkan kerugian RM40,000.

Mohamad Saad, 62, mendakwa, kejadian lembunya mati diracun itu merupakan kali kedua berlaku dalam tempoh dua tahun.

"Terkejut saya apabila lembu-lembu peliharaan ditemui mati bergelimpangan di kawasan kebun buah-buahan milik saya pada pukul 5 petang semalam (kelmarin) oleh seorang penduduk.

"Anak lelaki saya bergegas ke lokasi kejadian dan mengesahkan 16 ekor lembu ternakan kami

telah diracun," katanya kdi lokasi kejadian di Kampung Kenangan, di sini semalam.

Mohamad mengesyaki kematian lembu-lembunya akibat diracun berikutan penemuan tiga tong mengandungi air beris racun tidak jauh dari lokasi haiwan ternakan itu ditemui.

"Saya telah membuat laporan polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhubung kematian lembu-lembu saya ini," katanya.

**MOHAMAD** menunjukkan sebahagian lembunya yang mati di Kampung Kenangan, Setiu semalam.



## PENTERNAK RUGI RM40,000

# 16 lembu mati disyaki diracun

**Setiu:** "Saya tidak pergi ke kebun petang semalam (kelmarin) kerana tidak sanggup melihat haiwan peliharaan mati akibat perbuatan khianat."

Begitu kata penternak lembu, Mohamad Saad, 62, apabila sebanyak 16 ekor lembu miliknya mati disyaki diracun menyebabkan kerugian kira-kira RM40,000, kelmarin.

Mohamad, 62, dari Kampung Seri Kenangan, Sungai Tong di sini, berkata dia mengetahui kejadian terbabit selepas di-maklumkan penduduk kampung kira-kira jam 5 petang kelmarin.

"Pada awalnya, adik saya, Khairuddin, 52, beritahu

terjumpa bangkai seekor lembu kira-kira jam 7 pagi (kelmarin) namun saya sangka mungkin hanya seekor sahaja yang mati.

"Namun, kira-kira jam 5 petang (kelmarin) ada penduduk terjumpa lagi beberapa bangkai lembu di kawasan sama dan anak saya, Naquiuddin, 32, segera ke ke-

bun untuk melihatnya," katanya ketika ditemui, semalam.

Mohamad berkata, anak menghubunginya bagi memaklumkan terdapat 16 ekor lembu peliharaan bersama adiknya ditemukan mati bergelimpangan di kawasan kebun seluas kira-kira 1.62 hektar.

"Anak melihat ada tiga biji tong disyaki untuk ditelakkan air dicampur dengan racun. Jika ada pihak tidak berpuas hati mungkin ada lembu saya merosakkan tanaman sepatutnya mereka datang berbincang.

"Saya sanggup membayar jumlah kerugian di-alamai mereka bukan dengan bertindak kejam se-



MOHAMAD SAAD MELIHAT BANGKAI LEMBU BERGELIMPANGAN DI KEBUNNYA KAMPUNG SERI KENANGAN, SUNGAI TONG, SETIU, SEMALAM. - GAMBAR NSTP/NURUL FATIHAH SULAINI

perti ini," katanya.

Katanya, insiden sama pernah berlaku dua tahun lalu apabila enam ekor lembu milik adiknya menjadi mangsa disyaki diracun.

"Laporan polis serta laporan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sudah dibuat untuk menyiasat punca sebenar kejadian sama tidak akan berlaku kepada penternak lain," katanya.



20/11/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

34

## Kontraktor jadi penternak puyuh

**JASIN:** Keputusan diambil untuk berhenti daripada menjadi kontraktor Petronas sewaktu Covid-19 bagi memberi fokus dalam ternakan burung puyuh sejak tiga tahun lalu tidak sia-sia buat Mohamad Hazri Khairan, 34, dari Kampung Kesang Tua dekat sini.

Pemegang Diploma Kejuruteraan Mekatronik dari Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Balik Pulau, Pulau Pinang itu tidak berasa menyesal atas keputusan dibuat berikutan sukar mendapat kontrak ketika pandemik melanda.

Sejak meneroka bidang penternakan puyuh untuk pasaran daging dan telur, Mohamad Hazri kini mampu menternak lebih daripada 6,000 ekor spesies berkenaan menggunakan tiga reban.

Dia yang menternak unggas itu di belakang rumah bapa mentuanya bermula dengan hanya tidak sampai 100 ekor pada 2020.

"Sewaktu tidak ada kerja, bapa mentua suruh saya bela puyuh. Apabila saya mula belajar mengenai puyuh dari segi makan, penjagaan dan hasilnya,



**MOHAMAD HAZRI Khairan menunjukkan ternakan puyuh miliknya di Kampung Kesang Tua, Jasin, Melaka. -UTUSAN/AMRAN MULUP**

saya lihat ia adalah bidang yang menarik.

"Saya dapati untuk membelanya tidak susah sangat dan dalam tempoh sebulan sudah boleh dapat hasil terutama untuK daging dan telur.

"Bermodalkan RM100,000 duit simpanan, saya teroka belakAng rumah bapa mertua untuk

membina tiga reban, tempat penyimpanan, tempat proses dan sebagainya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Mohamad Hazri, dia mengikuti kursus menternak burung itu dianjurkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menambah ilmu dan kelengkapan.



# Benih padi musim 2/2023 untuk petani MADA cukup

**Kangar:** Keperluan Benih Padi Sah bagi musim 2/2023 untuk petani dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mencukupi.

MADA menerusi kenyataan berkata, keperluan Benih Padi Sah yang direkodkan pada waktu ini sebanyak 964,507 tan dengan pengedarannya dibuat menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan peruncit sah yang dilantik.

"Melalui PPK MADA, pesanan yang diterima sebanyak 130,846 beg Benih Padi Sah dan sehingga 16 November lalu, sebanyak 78,033 daripada 84,266 beg Benih Padi Sah yang diterima sudah diadakan.

"Dalam Mesyuarat Penyelaran Benih Padi Sah pada 15 November lalu, komitmen syarikat pengeluar bagi stok sedia terjual dan sedang diadakan sejumlah 9,039 beg Benih Padi Sah bagi varieti MR297 dan MR315 melalui Kilang Pertama Padi, Ki-

lang Seri Merbok dan Kilang OBL Maju.

"Sejumlah 8,000 beg Benih Padi Sah turut diluluskan melalui MADACorp. Bermula minggu hadapan, komitmen pengeluar bagi stok menunggu kelulusan makmal Jabatan Pertanian Malaysia dijual dalam tempoh satu minggu kepada PPK MADA membabitkan 22,339 beg BPS bagi varieti MR297 dan MR315," katanya.

MADA berkata, petani juga akan mendapatkan bekalan Benih Padi Sah daripada pengeluar benih padi yang sah serta ejen swasta yang berdaftar.

"Pada 14 November lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bersama pengurusan tertinggi MADA turut membuat lawatan ke kilang bagi memastikan stok Benih Padi Sah sentiasa ada dan mencukupi.

"Kempen pengembangan penggunaan Benih Padi Sah oleh pe-

gawai MADA di lapangan turut diadakan secara berterusan termasuk pengesyoran penggunaan varieti tempatan selain dari MR297, yang berhasil tinggi," katanya.

Dalam masa sama, bagi memastikan peladang dapat melaksanakan aktiviti tanaman padi musim ini mengikut jadual, MADA menggesa pengeluar padi menjalankan tanggungjawab mereka dengan memastikan peladang mendapat bekalan benih padi sah pada harga yang munasabah dalam tempoh waktu yang sewajarnya.

"Berdasarkan rekod, status kemajuan aktiviti tanaman padi Musim 2/2023 di Kawasan Muda bagi penyediaan tanah pada tahap 87.9 peratus dan tanam pada tahap 40.2 peratus.

"Kita sentiasa peka dan akan terus membantu peladang agar memastikan stok Benih Padi Sah mencukupi bagi tanaman padi Musim 2/2023," katanya.



# 'Training' dragon fruits for a record

## New landmark structure expected to boost local tourism

By BENJAMIN LEE  
benkh@thestar.com.my

**SEPANG:** Standing at over 9m tall, the world's first-ever official largest dragon fruit-shaped structure in Sepang may just be the boost the local tourism industry needs.

The landmark, located at the Hong Long (HL) Dragon Fruit Eco Farm in Sepang, is 9.299m tall and 9.4m wide and is painted in the iconic purplish red and green colours of dragon fruit.

The structure also functions as a mini-museum with a fully air-conditioned interior that houses a glow-in-the-dark display painted on its walls that highlights the history of Sepang and Selangor.

The structure earned the farm the prestige of being the first holder of Guinness World Records' largest dragon fruit-shaped building.

The award ceremony was conducted by Emi Saito, Guinness World Record adjudicator, at the farm yesterday.

The award was then received by HL International Group Sdn Bhd founder Lydia Goh, who was joined by the company's chairman Sam Chia and chief executive officer Eugene Chia.

The farm also features a restaurant that uses its own produce to make unique takes of local favourites, like dragon fruit nasi lemak and dragon fruit curry bun.

Malaysia Tourism Promotion Board director-general Datuk Dr

Ammar Abd Ghapar said the structure, which began construction in 2020, represented the key role that private industry players could play in drawing in tourism.

"These kinds of packaged experiences are key as they allow visitors to experience multiple aspects of our culture, from sightseeing to food, all in one place.

"It also helps to build on our growing ecotourism brand, which not only helps economic development but also educates tourists about the beauty and importance of our local sustainable agriculture.

"HL's efforts have put us on the world map for dragon fruit lovers to come visit us, and I

hope to see more from other private businesses as well," he said during a press conference after the Guinness World Records award ceremony at the farm yesterday.

Ammar added that the farm's close proximity to the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) would play an important role in helping the government prepare for its planned Visit Malaysia Year 2026.

On this, he said the Malaysia Tourism Promotion Board, which is under the Tourism, Arts and Culture Ministry, would continue its efforts to ensure tourism support systems such as hotels were sufficient to meet the expected demand.

The Guinness World Record

certificate ceremony was also held together with the farm's biggest dragon fruit carnival, which saw hundreds of visitors enjoy over 30 booths offering carnival games, fresh produce and even handicraft stations.

Also in attendance at the event were Balakong assemblyman Wayne Ong Chun Wei, Sungai Pelek assemblyman Lwi Kian Keong, and Selangor local government and tourism committee chairman Ng Suee Lim.



WATCH THE  
VIDEO

TheStarTV.com



## NOT ENOUGH PLANTING MATERIAL

## Restructuring the rice industry can make us a major exporter

**THE** rice price issue has barely gone away and now another bombshell has dropped.

The planting of rice in the coming season is going to be curtailed. It has nothing to do with adverse weather, but rather the most fundamental part of the value chain: the planting material.

Reports of the poor availability of certified rice seeds have been making the rounds in the media. They are not just talking about the shortage but also the high prices suppliers are charging for the certified seeds.

In the old days, farmers put aside a portion of their harvest as planting material for the following season. It worked well for generations.

We have always assumed that there are agencies tasked with taking care of the many stages in the value chain. The planting material stage is critical.

We know that much research has gone into producing high-yielding seeds. And there have been successes with disease- and pest-resistant seeds.

Research alone is not enough. We need to have competent nurseries to produce planting materials at the



Malaysia's rice sector may need to learn from the success of plantation crops.  
PIC: BY MOHD ASRI SAIF UDDIN MAMAT

amount that is needed. It is the same in other agricultural sectors.

We are familiar with the situation in plantation crops, including oil palm and rubber.

The nursery operations of such crops are monitored. Any failure to secure the right planting material can translate into heavy financial losses.

Many are asking why our agricultural sector is not doing as well as our neighbour, Thailand, for example.

We produce almost the same crops as the Thais. But how are they able to export much of their produce?

we organise small farmers.

This may be true to some extent. Small farmers in Thailand are better supported in terms of planting materials, agronomic advisory and marketing. Their farmers' cooperatives are also better managed.

Studies have revealed they also have better agricultural extension services.

Unlike the local system, their researchers are also the people directly involved in the extension work. They mix with the farmers.

There is also a lot of communication done through television and radio. This has now expanded into TikTok and the like.

Their cooperatives are involved with the processing and marketing of their produce.

Through such arrangements, their farmers are well compensated. That also explains why they do not have much problem attracting the young to farming.

I think it is time we considered overhauling our agribusiness system. We can learn from the palm oil industry model. The Malaysian Palm

Oil Board is run as a partnership between industry and government.

There is regular consultation on strategies not only for research and development, but also for marketing and infrastructure support.

We may want to restructure the rice industry along similar lines creating, for example, a Malaysian Rice Industry Board with representatives from industry and government.

The board can introduce incentives to attract private investments in rice production and downstream activities.

Small rice farmers can form cooperatives. They can partner with the bigger private sector rice companies to process and market their produce.

Let the price of rice be determined by market forces, but keep a close eye on cartels and hoarders.

Done properly, there is no reason why we cannot one day be a major exporter of rice.

**PROFESSOR DATUK DR AHMAD**

**IBRAHIM**

Ian Sri Omar Centre for STI Policy  
UCSI University



**PENTERNAK BERSIAP SEDIA HADAPI MUSIM BANJIR**

# Bina kandang di tempat tinggi

**Kuala Krai**

**H**ujan berterusan sejak Jumaat lepas menyebabkan kira-kira 10 penternak di sekitar Kuala Krai mula membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan banjir dengan mengalih haiwan peliharaan mereka ke kawasan selamat. Penternak lembu, Mohd Sekeri Mat Shah, 63, dari

Kampung Batu Mengembang berkata, bagi mengelak perkara tidak diingini semasa musim Monsun Timgur Laut, beliau membina kandang sementara di atas bukit untuk menempatkan 15 lembu peliharaannya.

"Setiap kali musim tengkujuh, saya alih lembu-lembu yang biasanya berada berdekatan sungai ke tempat lebih tinggi. Apabila hujan kita tidak

boleh jangka paras sungai naik secara mendadak atau tidak, sebab itu saya bina kandang sementara untuk lembu-lembu ini berteduh," katanya, semalam.

Penternak biri-biri di Kampung Tengah, Rosli Abd Ghani, sa

62, berkata, walaupun empat biri-birinya ditambah di kawasan berumput, langkah berjaga-jaga perlu diberi keutamaan memandangkan kawasan itu berdekatan sawah dan aliran sungai.

**"Saya alih lembu yang biasa dekat sungai ke tempat lebih tinggi"**  
Mohd Sekeri Mat Shah

"Saya akan sentiasa pantau situasi semasa

seperti cuaca dan sebagainya, jika hujan lebat saya akan pastikan biri-biri ini tidak keluar dari kandang, malah cerut rumput untuk bekalan makanan. Saya juga sudah kenal pasti kawasan yang sesuai untuk menempatkan biri-biri ini jika dimaiki air.

"Musibah banjir yang berlaku di Kuala Krai sebelum ini banyak beri pengajaran kepada saya un-

tuk lebih bersedia dengan segala kemungkinan apabila musim tengkujuh melanda," katanya.

Kelmarin, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengeluarkan amaran kemungkinan banjir memabitkan dua jajahan di Kelantan iaitu Tanah Merah dan Pasir Mas bermula awal pagi semalam sekiranya hujan terus berla-





Melati menunjukkan ikan yang dijual di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah.  
(Foto Zuliaty Zulkiffi/BH)

# Harga ikan, hasil laut naik

**Kuala Kedah:** Harga ikan dan hasil laut naik sedikit disebabkan kesukaran dihadapi nelayan akibat peralihan fasa Monsun Timur Laut.

Kebanyakan peniaga ikan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota di sini, mendakwa tangkapan ikan berkurangan akibat cuaca sejak dua bulan lalu, menyebabkan mereka terpaksa menjual harga tinggi berbanding biasa.

Tinjauan mendapati, kebanyakan peniaga menjual ikan merah, ikan tenggiri, gelama dan udang dengan harga masih wajar dengan bekalan.

Peniaga ikan, Melati Ladun, 40, berkata harga ikan yang dijual sebelum ini antara RM6 atau RM7 sekilogram terpaksa dijual antara RM10 hingga RM12 sekilogram bergantungan pada saiz.

## Saiz ikan kecil

Katanya, harga murah RM3 hingga RM4 sekilogram memang ada tetapi saiz ikan terlalu kecil dan kebanyakan pelanggan memilih saiz sedang dan besar.

“Setiap hari kami jual apa yang nelayan tangkap. Ada sedikit dan ada banyak menyebabkan harga ikan tidak sama setiap hari.

“Kami dah banyak hari tak ada

ikan nak jual sebab ramai nelayan tak turun ke laut disebabkan ombak kuat,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, peniaga lain, Khadijah Md Syah, 49, berkata, kekurangan ikan berlaku sejak penghujung September lalu dijangka berterusan hingga bulan depan.

Katanya, nelayan hanya memperoleh ikan sekadar yang mampu untuk dijual kepada pelanggan dengan harga peraih.

“Sekarang ini musim sotong tetapi dijual antara RM25 hingga RM35 sekilogram disebabkan musim tengkujuh,” katanya.



# SISWA TUAI HASIL SAWI

Kebun Nuri Nutrisi bantu pelajar UKM keluarga B40 manfaat ilmu pertanian selain cari duit poket tambahan

Oleh **Muhammad Razis Ismail**  
razis@mediaprima.com.my

Inisiatif Kebun Nuri Nutrisi Bank Rakyat Bersama UKM yang diwakili Taman Botani Bangi dilihat sebagai misi serampang dua mata untuk membantu penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) daripada keluarga B40.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini dilihat bukan sahaja menyediakan duit poket tambahan untuk penuntut bagi menampung kos perbelanjaan di universiti, malah melengkapkan mereka dengan ilmu pertanian yang boleh dimanfaatkan selepas menamatkan pengajian.

Menariknya, sayur sawi dan pak choy yang ditanam secara fertigasi di Kompleks Rumah Tumbuhan UKM sejak julai lalu itu sudah boleh dituai baru-baru ini.

Dalam masa terdekat, hasil daripada jualan semua sayur ini di pasaran, 30 penuntut yang terbahagi program ini akan menikmati 'gaji pertama' mereka.

Ketua Taman Botani Bangi UKM, Prof Madya Dr Noraini Talip berkata, program itu dilaksanakan dengan kerjasama Bank Rakyat membolehkan modal RM20,000 untuk membina sistem tanaman fertigasi tanpa menggunakan tanah.

"Penuntut yang terpilih daripada pebagai bidang ini bukan sahaja dapat belajar



FOTO: ALIUDIN SEAGU

**PENUNTUT UKM terbahagi secara langsung memetik sayur dijaja dan mengurus dengan baik.**

secara teori berkenaan penanaman dan pengurusan sayur, malah mereka juga dapat turun ke lapangan untuk bertani.

"Selain itu, penuntut dapat belajar mengenai ilmu keusahawanan kerana hasil tanaman yang dituai akan dijual di pasaran. Hasil jualan diberikan kepada peserta," katanya.

Pada masa sama, melalui program ini membukitkan peranan UKM dalam menjalankan aktiviti yang menyokong beberapa

sasaran pembangunan mampian (SDG) iaitu Kelaparan Sifar.

Menurutnya, sejak dilaksanakan pada julai lalu, penuntut yang menyertai projek ini memberi komitmen yang baik dan memberi maklum balas yang positif biarpun pada tidak mempunyai ilmu asas mengenai pertanian mahupun ilmu tumbuhan.

"Alhamdulillah untuk fasa pertama, program ini berjaya menghasilkan kira-kira 11 kilogram sayur

dengan kadar kematian hanya 10 peratus.

"Pada masa hadapan, kami merancang meningkatkan jumlah tanaman dan menambah tanaman salad yang mendapat permintaan tinggi di pasaran," katanya.

Peserta, Nurul Izzati Abd Samad yang diternui melahirkan rasa teruja apabila terpilih menjadi peserta program Kebun Nuri Nutrisi.

"Melalui program ini, saya dapat belajar banyak

perkara baharu mengenai pertanian yang berada di luar daripada bidang fizik yang saya pelajari di sini.

"Pada masa sama, saya dapat menjaga peredaran sendiri yang boleh dimanfaatkan untuk menampung perbelanjaan di sini," katanya.

Perkara sama diakui Siti Nailiah Ramli yang memberi maklum balas positif dengan program yang dilaksanakan sejak julai lalu.

"Saya seronok dapat

merah pengalaman baharu dalam bidang yang sendiri tidak terfikir akan ceburi. Perkara paling menyeronokkan adalah dapat melihat benih yang disemai dan dijaga selama sembilan bulan menjadi sayur yang segar.

"Lebih mengembirakan, sayur yang ditanam, dijual sebagai duit poket, sekaligus dapat meringankan beban keluarga. Insya-Allah, jika diberi peluang saya akan cuba tanam sayur di rumah," katanya.



